

U B270 BAH  
 PARLIMEN - SURUHANJAYA.

1984

KUALA LUMPUR, 6 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK DAKWAAN DAP DI DEWAN RAKYAT BAHAWA SURUHANJAYA PILIHANRAYA DIPENGARUHIDAN MENGIKUT TELUNJUK KERAJAAN DALAM MENETAPKAN SEMPADAN KAWASAN-KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI. BELIAU MEMBIDAS DAP KERANA MENGANGGAP TAMBAHAN KERUSI PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI DI TUMPUK ANDI KAWASAN LUAR BANDAR ADALAH SEMATA-MATA KERANA KERAJAAN BARISAN NASIONAL INGIN MENGUKUHKAN KEDUDUKANNYA MELALUI UNDI ORANG MELAYU.

PERDANA MENTERI BERUCAP MENGGULUNG PERBAHASAN MENGENAI USULNYA SUPAYA DEWAN MELULUSKAN LAPORAN ULANGKAJI DAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI-NEGERI (SEMENANJUNG) OLEH SURUHANJAYA PILIHANRAYA. LAPORAN ITU KEMUDIANNYA DILULUSKAN DENGAN 87 MENYOKONG DAN LAPAN (DAP) MENENTANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA DAKWAAN DAP ITU ADALAH BENAR MAKA LAPORAN X TU SUDAHTENTUTIDAK SEDEMIKIAN RUPA, + KERANA BANYAK LAGI SAYA BOLEH BUAT UNTUK KEPENTINGAN PARTI-PARTI KERAJAAN + DALAM PERSEMPADANAN SEMULA ITU.

KATANYA, DAKWAAN DAP BAHAWA TAMBAHAN KERUSI KAWASAN LUAR BANDAR MENGUNTINGKAN KERAJAAN ADALAH SALAH KERANA IA BOLEH JADI SEBALIKNYA SEBAB PARTI KERAJAAN TERPAKSA MENGHADAPI PAS DI LUAR BANDAR. ---LAGI  
 2133MST 06 12 84

0034

U B271 BAH  
 PARLIMEN - SURUHANJAYA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DAKWAAN DAP BAHAWA PEMECAHAN KAWASAN PARLIMEN DI BANDAR DENGAN MEMECAHKAN UNDI ORANG CINA JUGA ADALAH TIDAK BENAR KERANA SUDAH DIKETAHUI UMUM DAP MEMANG MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PARA PENGUNDI DI BANDAR-BANDAR.

MENURUTNYA, APA YANG SEBENARNYA IALAH PEMECAHAN KAWASAN SEDEMIKIAN RUPA TIDAK MENGUNTINGKAN BARISAN NASIONAL KERANA IA TERSEKIT ANTARA PENGARUH DAP DI BANDAR DAN TUMPUAN PAS DI LUAR BANDAR.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN MENERIMA LAPORAN ITU KERANA SURUHANJAYA PILIHANRAYA ADALAH SEBUAH BADAN YANG BEBAS DAN BARISAN NASIONAL SENDIRI TIDAK TAKUT KEPADA MANA-MANA PENGARUH KERANA IA BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN SEMUA KAUM DI NEGARA INI.

BERLAINAN DENGAN DAP YANG HANYA MENTAFSIR LAPORAN ITU DARI SUDUT PANDANGAN SATU KAUM SAHAJA MEMBUATKAN IA TAKUT KEPADA PRINSIPNYA YANG MENGHARAPKAN SOKONGAN DARIPADA ORANG CINA SEMATA-MATA WALAUPUN IA MENDAKWA IA ADALAH PARTI PERBILANG KAUM.

JELASNYA PRINSIP PERKAUMAN DAP ITU JUGA TERBUKTI DALAM TINDAK-TANDUKNYA MEMPERJUANGKAN SESUATU ISU TERMASUK PAPAN DARI PANDANGAN PERKAUMAN SEMATA-MATA. ---LAGI

2140MST 06 12 84

0049

U B273 BAH  
PARLIMEN - SURUHANJAYA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ALASAN DAP BAHAWA SURUHANJAYA PILIHANRAYA JUGA MEMIHAK KEPADA KERAJAAN SEMATA-MATA KERANA BANTAHAN-BANTAHAN PARTI ITU MENGENAI PERSEMPADANAN ITU DITOLAK OLEH SURUHANJAYA TERSEBUT JUGA TIDAK DAPAT DITERIMA.

KATANYA, PARTI-PARTI KERAJAAN SENDIRI BANYAK MENGEMUKAKAN BANTAHAN-BANTAHAN MELALUI BELIAU TETAPI DALAH HENGAJUKANNYA KEPADA SURUHANJAYA ITU BELIAU HANYA DAPAT BERTINDAK SEBAGAI + POSMEN + DAN TIDAK LEBIH DARIPADA ITU.

BANTAHAN-BANTAHAN DARI PARTI-PARTI KERAJAAN JUGA BANYAK DITOLAK, TEGASNYA DAN BERKATA JIKA DAP MASIH BELUM BERPUASHATI TERHADAP LAPORAN ITU PARTI TERSEBUT BOLEH MEMBUAT USUL KEPADA DEWAN SUPAYA PERSEMPADANAN KAWASAN-KAWASAN PILIHANRAYA DIBUAT BERASASKAN KEPADA PRINSIP SEORANG SEUNDI DAN TUMPUAN SESUATU KAUM YANG DIKEHENDAKI OLEH DAP.

TEGAS PERDANA MENTERI, BAGAIMANAPUN KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR MEMERLUKAN LEBIH BANYAK WAKIL DALAM DEWAN. UNTUK MEMBAWA LEBIH BANYAK PEMBANGUNAN KEPADA KAWASAN ITU DAN KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN BAHAWA PERWAKILANDARI LUAR BANDAR MENDAPAT SUARA TERBANYAK.

BELIAU BENAR-BENAR KECEWA DENGAN SIKAP DAP YANG, TIDAK LEPAS BELIANG MENYUARAKAN PANDANGAN MENGENAI APA JUGA ISU MELALUI PANDANGAN PERKAUMAN YANG, MENURUTNYA, TIDAK HARUS DIULANGI LEBIH-LEBIH LAGI DALAM USAHA KERAJAAN MENGHAPUSKAN POLARISASI KAUM DI NEGARA INI. - LAGI

2207MST 06-12-84

0050

U B274 BAH  
PARLIMEN - SURUHANJAYA 4 KUALA LUMPUR

DATUK HER: DR. MAHATHIR KESAL DAP TIDAK PERNAH BELAJAR DARI KESALAHANNYA YANG TELAH MENYEBABKAN PARTI ITU HILANG BANYAK KERUSI PARLIMEN KERANA MEMPERMAINKAN ISU PERKAUMAN DALAM PILIHANRAYA 1982.

ADACARA MUDAH UNTUK DAP MENANG DAN MUNGKIN BOLEH MENUBUHKAN KERAJAANNYA SENDIRI, SARAN PERDANA MENTERI SAMBIL BERSELOROH DAN DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA ANGGOTA DEWAN.

JANGAN JADIKAN DAP PARTI SATU KAUM SAHAJA SEBALIKNYA FIKIRKANLAH SAMA INSPIRASI ORANG-ORANG MELAYU, JELASNYA SAMBIL MENCADANGKAN DAP SUPAYA TURUT MELETAKKAN CALON-CALON MELAYU MENENTANG BARISAN NASIONAL DI SELURUH NEGARA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA UMNO MEMANG LAH PARTI ORANG MELAYU TAPI MENEGASKAN BAHAWA IA SENTIASA BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DAN MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU DENGAN TIDAK PERNAH MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN KAUM-KAUM LAIN.

DEWAN KEMUDIAN MELULUSKAN LAPORAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI SABAH YANG DIBENTANGKAN OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK KHALIL YAKOB, TANPA BAHAS.

LAPORAN ITU MENGESYORKAN DITAMBAH EMPAT LAGI KERUSI PARLIMEN SABAH IAITU DARIPADA 16 KEPADA 20 KERUSI.

0080

U B277 BAH

PARLIMEN - SURUHANJAYA KUALA LUMPUR  
TANYA PERUBAHAN DAN PENYUSUNAN KAWASAN-KAWASAN ITU ADALAH  
WAJAP UNTUK MELICINKAN LAGI PENTADBIRAN NEGARA DALAM USAHA MEMBERI  
SEKUALA KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT JELATA.

DR CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) TVRUT HEMBANTAH PENYEMAKAN SEMULA  
KAWASAN-KAWASAN PILIHANRAYA ITU DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI SATU  
STRATEGI YANG SENGAJADI ADAKAN UNTUK MENJEJASKAN PIHAK PEMBANGKANG DAN  
MENGEKALKAN KUASA PARTI PEMERINTAH.

BELIAU MENGGESA SURUHANJAYA PILIHANRAYA MENKKAJI DAN MENYEMAK  
SEMULA PEMBAGIAN KERUSI PARLIMEN YANG DIANGGAPNYA TIDAK SEIMBANG.

BELIAU MENYATAKAN SELAIN MENGUATKAN KEDUDUKAN UMNO, PENYEMAKAN  
SEMULA KAWASAN PILIHANRAYA ITU MELANGGAR PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
YANG MENGAKUI KESAKSAMAAN RAKYAT TANPA MENGIRA BANGSA.

DR CHEN BERKATA PENAMBAHAN KERUSI KAWASAN LUAR BANDARAKIBAT  
PENYEMAKAN ITU SECARA LANGSUNG MEMPERKUATKAN DAN MELUASKAN, KUASA  
POLITIK UMNO DI KAWASAN-KAWASAN TERSEBUT. -- LAGI  
2305MST 0612 84

0083

U B278 BAH

PARLIMEN - SURUHANJAYA KUALA LUMPUR

DR TAN SENG GIAM (DAP-KEPONG) PULAMENDAKWA ULANGKAJI  
PERSEMPADANAN ITU ADALAH TIDAK ADIL DARI SEGI PERUNTUKAN BILANGAN  
PEMILIHDI MANA KUASA UNDI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR TELAH MENJADI  
LEBIH KUAT DARI PADA UNDI DI BANDAR-BANDAR.

KATANYA TINDAKAN ITU JELAS BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KEKUATAN  
UNDI PEMILIHDI KAWASAN YANG MAJORITINYA MERUPAKAN KAUM MELAYU DI  
SAMPING MENGURANGKAN KEKUATAN UNDI BUKAN MELAYU.

SETIAP KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH SURUHANJAYA ITU BERTUJUAN  
UNTUK MENYUKARKAN LAGI CALON-CALON PEMBANGKANG MEMENANGI KERUSI  
PARLIMEN DAN SEBALIKNYA MENAMBAH KUASA PEMERINTAH, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA PERUNTUKAN DALAM SEKSYEN 2 BAHAGIAN I JADUAL KETIGA BELAS PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN YANG MENYATAKAN +BILANGAN PEMILIH DALAM TIAP-TIAP BAHAGIAN PILIHANRAYA DALAM SESUATU NEGERI PATUTLAH LEBIH KURANG SAMA BANYAKNYA+, TELAH DIKETEPIKAN OLEH SURAHANJAYA TERSEBUT.

DR. TAN BERKATA DALAM MENENTUKAN SEMPADAN BAHAGIAN PILIHANRAYA SEHARUSNYA MEMPERTIMBANGKAN FAKTOR-FAKTOR SEPERTI PENDUDUK LUAR BANDAR DIBERI PERWAKILAN YANG KUAT UNTUK MEMBANTU MEREKA MEMBANGUN, TETAPI KEUTAMAAN BAGI KAWASAN-KAWASAN TERPENCIL ITU TIDAK SEHARUSNYA MENJADI BEGITU PENTING, SEHINGGA MENIMBULKAN PERASAAN +KEBENGISAN+ DI ANTARA KAUM.--LAGI

2307MST 06 12 84

0084

U B279 BAH

PARLIMEN - SURUHANJAYA 9 KUALA LUMPUR

ENCIK GHAFFAR BABA (BN-JASIN) MENYANGKAL DAKWAAN DAP YANG MENGATAKAN PERSEMPADANAN BARU KAWASAN PILIHANRAYA MENGUNTUNGGAN UMNO DAN MENSIYATKANNYA SEBAGAI SATU MUSLIHAT HENDAK MEMECAHBELOKAN RAKYAT DALAM NEGERI INI.

KATANYA BUKAN SEMUA PENDUDUK DI LUAR BANDAR TERDIRI DARIPADA BANGSA MELAYU, MALAH SEBAHAGIAN BESAR TERDIRI DARIPADA BANGSA CINA DAN INDIA DAN MEREKA JUGA TURUT MENDAPAT PERHATIAN DARIPADA WAKIL RAKYAT KAWASAN BERKENAAN

MENURUTNYA SIKAP DAP YANG MENYERU SEMUA ANGGOTA DEWAN RAKYAT DALAM BARISAN NASIONAL DARI KETURUNAN CINA DAN INDIA BERSATU MENENTANG PERSEMPADANAN ITU SEBAGAI SATU HASUTAN UNTUK MELAGAKAN ORANG MELAYU DENGAN BUKAN MELAYU DI NEGARA INI.

+INI ADALAH SATU PENGKHIANATAN YANG SANGAT-SANGAT BAHAYA YANG AKAN MENGHANCURKAN NEGARA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA UMNO SEBAGAI PARTI TERBESAR DALAM BARISAN NASIONAL TIDAK PERNAH MENGENEPIKAN PARTI-PARTI LAIN YANG BUKAN BANGSA MELAYU APABILA MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN.-- LAGI

2309MST 06 12 84

0087

U B281 BAH

PARLIMEN - SURUHANJAYA 10 KUALA LUMPUR (AKHIR)

ENCIK GHAFFAR BERKATA DAKWAAN DAP BAHAWA BANYAK KERUSI DIDAPATI DI LUAR BANDAR ADALAH SATU PERASAAN TAKUT YANG TIDAK PATUT TIMBUL SAMA SEKALI.

+BARISAN NASIONAL MAHU MELAHIRKAN SATU PERPADUAN, MENGAMALKAN KEADILAN, PEMBAGIAN REZEKI YANG ADIL DAN TIDAK SEKALI-KALI UNTUK MENINDAS SESIAPA PUN,+ TEGASNYA.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA SUPAYA MEMINDA BORANG PENCALONAN YANG SEDIA ADA KEPADA YANG BERBENTUK SENARAI DENGAN MENGGUNAKAN ANGKA DALAM TIAP-TIAP SATU SOALAN YANG DIKEHENDAKI.

INI ADALAH UNTUK MENGELAKKAN SESEORANG CALON DARIPADA TERTINGGAL UNTUK MENJAWAB SESUATU PERKARA YANG BOLEH MENYEBABKAN PENCALONANNYA DITOLAK.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN PETI-PETI UNDI DIBUKA DAN DIKIRA DI TEMPAT MEMBUANG UNDI ITU SENDIRI UNTUK MENENTUKAN KESELAMATAN DAN MENGELAKKAN PENYELEWANGAN SEMASA PENGIRAAN UNDI.--BERNAMA

2315MST 06 12 84